

Syarikat Air Terengganu raih 2 anugerah berprestij antarabangsa

Oleh **Faizul Azlan Razak** - November 30, 2023 @ 10:11am

bhnews@bh.com.my



Ts Abdul Karim (dua dari kiri) menerima anugerah Asian Water Awards pada majlis Asian Power Awards 2023 di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - Foto Ihsan SATU

Kuala Terengganu: Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) meraih dua anugerah 'Asian Water Awards', anugerah antarabangsa berprestij yang mengiktiraf projek inovatif dan kejayaan merintis inisiatif baharu bagi sektor air.

Kejayaan SATU meraih anugerah bagi kategori 'Water Quality Improvement Project of the Year-Malaysia' dan 'Water Technology Excellence Award (Digital Technology)' itu diumumkan pada majlis The International Asian Power Awards 2023 yang diadakan di ibu negara, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts Abdul Karim Endut, berkata pengiktirafan dua anugerah itu, sekali gus membuktikan komitmen SATU untuk mencipta inovasi dalam industri air di Malaysia dan dalam memenuhi misi SATU untuk sentiasa memenuhi

harapan pengguna dengan menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan dipercayai.

Inovasi SATU atasi penerobosan air masin

"SATU adalah syarikat operator air di Kuala Terengganu yang mengendalikan Loji Rawatan Air (LRA) Losong, yang merupakan salah satu LRA di bawah seliaan SATU. Ia terletak kira-kira enam kilometer dari bandar Kuala Terengganu, mampu membekalkan air terawat sehingga 76,000 MLD sehari.

"Loji rawatan air ini juga antara aset penting bagi memenuhi permintaan air yang semakin meningkat di kawasan terbabit. Namun, loji ini menghadapi cabaran utama disebabkan oleh penerobosan air masin, terutama ketika air pasang tinggi yang mengakibatkan kualiti air mentah terjejas.

"Fenomena ini mengganggu proses untuk menyalurkan air yang selamat dan berkualiti kepada pengguna dan penyelesaian yang segera serta berkesan amatlah diperlukan," kata Abdul Karim.

Katanya, apabila berlaku air pasang tinggi, air masin menerobos masuk ke dalam air mentah yang terletak di Muka Sauk Pulau Musang.



Loji Rawatan Air Losong aset penting bagi memenuhi permintaan air yang semakin meningkat dengan jaminan kualiti air yang bersih serta selamat digunakan.

Katanya, kejadian itu menyebabkan kepekatan ion klorida meningkat sehingga melebihi had yang dibenarkan, iaitu 250ppm dan LRA Losong terpaksa ditutup kerana ia tidak dilengkapi teknologi untuk merawat air masin.

"Seterusnya, ia menyebabkan loji ini terpaksa ditutup untuk mengelakkan air yang diproses membahayakan kesihatan pengguna serta merosakkan peralatan di LRA itu. Bagi mengatasi masalah ini, SATU bekerjasama dengan pengendali Loji Hidroelektrik Kenyir, iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kolaborasi inovatif ini membolehkan air tawar dari Empangan Kenyir dilepaskan secara sistematik untuk melarutkan air masin di ruangan sistem pengepaman air mentah Muka Sauk Pulau Musang ketika air pasang tinggi. Ia berjaya memastikan tahap ion klorida berada pada paras selamat bagi menjaga kualiti air dan kesihatan pengguna," katanya.

Perjalanan transformasi untuk masa depan yang mampan

Abdul Karim berkata, LRA Bukit Berapit yang berkapasiti 120 MLD pula mula beroperasi bagi mengatasi masalah penerobosan air masin dan inisiatif itu membabitkan pemasangan paip air terawat bersaiz 350mm dari paip utama.

Beliau berkata, pengoperasian LRA Bukit Berapit berjaya menjamin bekalan air selamat dan berkesan serta turut sama menangani kesan buruk yang dihadapi disebabkan oleh penerobosan air masin.

"SATU juga melakukan transformasi dalam sistem pengurusan syarikat dengan penggunaan Sistem Pengurusan Aset (AMS) yang mempercepatkan sistem pengurusan operasi dan aset.

"Sebelum ini, SATU terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam menguruskan operasi dan aset seperti keterbatasan ketelusan data yang mempengaruhi kecekapan operasi dan prestasi bisnes.

"Menerusi pelaksanaan AMS, kelemahan seperti ini dapat diatasi secara sistematik dan dapat dilaksanakan secara berkesan, AMS juga boleh diakses melalui aplikasi mudah alih," katanya.

Abdul Karim berkata, pembaharuan itu tidak hanya meningkatkan kecekapan operasi, tetapi juga boleh dijadikan rujukan penting ketika penyediaan peruntukan dan memperkukuh kewangan serta pengurusan.

Teknologi pembangunan AMS itu juga berjaya memberikan pengiktirafan kepada SATU sebagai pemenang anugerah kategori teknologi digital dan menunjukkan usaha SATU dalam mengaplikasikan pengurusan sumber yang mampan.

"Pendekatan ini selari dengan slogan SATU, iaitu *Care for Life and Beyond* yang mana inovasi ini penting bagi memastikan kelestarian perkhidmatan air untuk generasi akan datang.

"Anugerah ini adalah bukti kepada inisiatif transformasi SATU untuk menjadi peneraju inovasi dalam pengurusan kualiti air serta komitmen SATU yang tetap teguh untuk memastikan bekalan air yang disalurkan adalah selamat dan berkualiti tinggi.

"Walaupun berdepan pelbagai cabaran seperti penerobosan air masin, inovasi dihasilkan SATU wajar dijadikan inspirasi kepada masyarakat. Menerusi inovasi serta kolaborasi dilaksanakan, SATU berjaya meraih pengiktirafan penting dalam industri air bagi menetapkan penanda aras kecemerlangan dalam pengurusan air," katanya.

Sumber: Asian Power Awards 2023